

# Dr. M sampai ucaptama di forum Bosnia

UM-9/11/09  
KUCHING 8 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan di majlis Malaysia Global Business Forum - Bosnia yang berlangsung di sini pada 10 November ini.

Bekas Perdana Menteri yang pernah merintis usaha menarik pelabur Malaysia ke Bosnia itu juga akan turut bersama-sama mengadakan rundingan meja bulat dengan semua pelabur yang hadir di forum tersebut.

Menurut Pengarah Urusan Glenreagh Sdn. Bhd., Nordin Abdullah, forum empat hari bermula hari ini menghimpunkan para tetamu yang merupakan ketua negara, menteri, ketua eksekutif dan para pelabur dari Eropah dan Malaysia.

“Forum ini mendapat sambutan yang amat baik daripada kerajaan dan ahli perniagaan Bosnia yang turut mempromosikan projek-projek besar semasa persidangan itu,” kata beliau dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambahnya, forum itu merupakan masa terbaik bagi Bosnia untuk meluaskan ekonomi mereka dan bagi Malaysia membuka pasaran antarabangsa.

Bosnia telah menunjukkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan dari segi ekonomi, pelancongan, pendidikan, pertanian, bioteknologi dan infrastruktur.

Maklumat terbaru menunjukkan kerajaan Bosnia sedang mengkaji untuk membina lebuh raya sepanjang 800 kilometer, membangunkan sektor perumahan dan pembinaan kondominium mewah.

Setakat ini, Tabung Haji adalah pelabur terbesar dalam sektor pembangunan di negara tersebut, kata Nordin.

Selain itu, kata beliau, salah satu perancangan menarik dalam forum tersebut ialah mengenai sektor tenaga.

“Syarikat tenaga terbesar di Bosnia, Elektropavada sedang mencari rakan-niaga untuk memajukan industri hidro elektrik di negara mereka,” ujar beliau.

Bosnia adalah satu-satunya negara di Eropah Timur yang mengeksport bekalan tenaga elektrik ke negara lain.